

(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS 8.30 MALAM INI)

1979

KUALA LUMPUR, 12 SEPT. (BERNAMA) — TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENEGASKAN HARI INI PERANAN KERAJAAN SEBAGAI PEMEGANG AMANAH KEPADA BUMIPUTERA YANG MENJADI GOLONGAN MISKIN MASIH DIPERLUKAN.

PERANAN INI MEMBOLEHKAN SEBAHAGIAN DARI EKONOMI NEGARA DIASINGKAN UNTUK MILIK BUMIPUTERA APAPILA MEREKA MAMPU KELAK, UJAR BELIAU.

BERUCAP MERASMIKAN PERDEBATAN AGONG EKONOMI KE-10 DI UNIVERSITI MALAYA MALAM INI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYATAKAN, TANPA AMALAN DEMIKIAN TIDAK MUNGKIN SEBAHAGIAN DARI EKONOMI NEGARA DISERTAI OLEH BUMIPUTERA WALAUPUN MEREKA SUDAH BERKEBOLEHAN MENYERTAINYA.

KATANYA, DALAM SISTEM SEDEMikian YANG PENTING BUKANLAH PERTUKARAN DASAR ATAU SISTEM ITU SENDIRI TETAPI PENGISIAN DAN PERLENGKAPAN SISTEM ITU DENGAN ORANG TERLATIH, DEDIKASI DAN BERTANGGUNGJAWAB.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA, DILIHAT DARI APA SUDUT PUN, MASALAH EKONOMI MALAYSIA ADALAH SATU MASALAH YANG AMAT RUMIT DAN MAHA PENTING. —BERSAMPUNG 1822/BY

MAHATHIR-DEBAT 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

IA MENJADI DEMIKIAN BUKAN KERANA KURANG PUNCA KEKAYAAN SEMULA JADI TETAPI KERANA KOOPosisi PENDUDUK DAN KERUDAYAAN YANG JAUH PERTEZA ANTARA KUMPULAN-KUMPULAN PENDUDUK.

BUAT MALAYSIA UNTUK MENGHADAPI MASALAH INI, IA TELAH MEMBENTUK SISTEM EKONOMINYA YANG TERSENDIRI MEMANDANGKAN SISTEM SOSIALIS KOMUNIS DAN KAPITALIS SEPENUH TIDAK SESUAI.

+SEBAB ITU KITA MENDAPATI KERAJAAN MEMASUKI BIDANG PERUSAHAAN DAN PERNIAGAAN SEBAGAI PEMEGANG AMANAH+, UJAR DR. MAHATHIR.

SEMENTARA ITU, ORANG YANG PINTAR MASIH BOLEH MENGGUNAKAN PELUANG UNTUK MENCARI KEKAYAAN YANG AKAN DIKENAKAN CUKAI YANG TINGGI SEBAGAI SUMBANGAN MEREKA KE ARAH USAHA MENGURANGKAN KETIDAKSEIMBANGAN ANTARA MISKIN DENGAN KAYA DAN ANTARA KAUM.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, ANTARA MASALAH EKONOMI BESAR YANG DIHADAPI OLEH NEGARA IALAH WUJUDNYA KETIDAKSEIMBANGAN DALAM BIDANG EKONOMI ANTARA KAUM DI SAMPING EKONOMI NEGARA YANG TERPAKSA BERGANTUNG KEPADA PENGELUARAN BAHAN MENTAH YANG TERPAKSA DIJUAL DI DUNIA LUAR. —BERSAMPUNG 1825/BY

MAHATHIR-DEBAT 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

+BERBAGAI TENAGA-TENAGA PASARAN MEMAINKAN PERANAN MENENTUKAN UNTUNG RUGI PERNIAGAAN BAHAN-BAHAN INI — KEBANYAKANNYA TIDAK DAPAT DIKUASAI OLEH KITA+, TAMPAHNYA + SELAIN ITU JUGA MALAYSIA TIDAK MEMPUNYAI TEKNOLOGI PERUSAHAAN YANG TERSENDIRI+.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, MEMANDANGKAN HAL INI KERAJAAN MENGALU-ALUKAN SEBARANG USAHA DAN PENDAPAT UNTUK MENCARI JALAN BAGI MENGATASI MASALAH-MASALAH EKONOMI YANG DIHADAPI OLEH NEGARA.

BELIAU MENYATAKAN SEBARANG KESALAHAN KERAJAAN HARUS DIKRITIK DAN JALAN KE ARAH KEJAYAAN DIHURAikan OLEH SEMUA PIHAK.

CUMA DENGAN BERGANDING PAHU DAN TERMESYUAAWARAH SEBAHAGIAN BESAR DARI MASALAH YANG DIHADAPI, DAPAT DIATASI, UJAR DR. MAHATHIR.

BELIAU BERKATA, JIKA TIDAK ADA MASALAH PERBEDAAN EKONOMI ANTARA KAUM DAN TUMPUAN DIKERI SEMATA-MATA KEPADA PERKEMBANGAN EKONOMI YANG TIDAK TERHAD, HARI INI MALAYSIA AKAN JADI LEBIH KAYA DAN MAJU LAGI. —BERSAMPUNG 1830/BY

22

B601

MAHATHIR-DEBAT 4 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

+MUNGKIN KITA SUDAH JADI NEGARA MAJU ATAU SEKURANG-KURANGNYA MAJU SEPERTI SINGAPURA ATAU KOREA SELATAN+, KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI.

KERAJAAN SEDIA MENZAKUI BAHAWA CARA YANG DIAMALKAN SEKARANG MEMPUNYAI BANYAK KELEMAHAN DAN BELUM MENCAPAI MATLAMAT PERSEIMBANGAN EKONOMI YANG DIIDAMKAN.

TEGURAN HARUS DIBUAT TENTANG AMALAN SEKARANG. TETAPI MALANGNYA ADA YANG MENEGUR BUKAN KERANA MINAT UNTUK MEMBAIKI KETIDAKSEIMBANGAN TERSEBUT TETAPI UNTUK+MENANG SAJA+ ATAU UNTUK KEPENTINGAN POLITIK DIRI ATAU PARTI, KATANYA.

MENGENAI PERDEBATAN AGONG EKONOMI ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR KESAL KERANA MENURUT BELIAU PERDEBATAN ITU KALI INI TIDAK LAGI +SEHEBAT MANA DARI SEGI AKADEMI DAN HUJAH-HUJAHNYA.

IA CUMA SATU FORUM POPULAR UNTUK TUJUAN POLITIK TERTENTU. PESERTANYA TIDAK LAGI DIPILIH KERANA PENGETAHUAN ILMU EKONOMI YANG ADA PADA MEREKA TETAPI KERANA POLITIK DIRI ATAU STATUS POPULARITI MEREKA.

+MEREKA DATANG KERANA KEPENTINGAN POLITIK, KERANA MAHU SATU LAGI FORUM UNTUK MEMPERKATAKAN APA YANG UMUM KETAHUI MEREKA AKAN PERKATAKAN+. KATANYA. --BERSAMBUNG 1836/BY

MAHATHIR-DEBAT 5 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERPENDAPAT FORUM YANG SANGAT BAIK ITU SUDAH PUN TERKELENCUNG DARI TUJUAN ASALNYA. +ASYIK DENGAN SEPOLAN-SEPOLAN DIHENTAM, INI KANDUNGAN YANG BERGUNA DIKETEPIKAN+, KATANYA.

+SAYA JUGA TELAH MENGAMBIL BAHAGIAN DULU DALAM SIRI BAHASAN INI. TETAPI DULU SEKURANG-KURANGNYA DI WAKTU PERMULAAN ADA JUGA UNSUR EKONOMI DALAM BAHASAN +DAN PESERTA DIPILIH DARI MEREKA YANG MEMPUNYAI PENGETAHUAN EKONOMI YANG BOLEH MEMBAHAS DENGAN SECARA OBJEKTIF+, KATANYA LAGI.

MENGENAI TAJUK PERDEBATAN BAHASAN TAHUN INI, +DASAR EKONOMI BARU -- KE ARAH KEMAKMURAN DAN PERPADUAN+. BELIAU BERPENDAPAT TAJUK ITU AKAN DIPERALATKAN DAN TIDAK AKAN MENJADI TUMPUAN DAN ASAS BAHASAN.

BELIAU PERCAYA PENDAPAT-PENDAPAT YANG AKAN DIBERIKAN OLEH SETENGAH PESERTA HANYA BERTUJUAN MENGELIRU DAN MENDAPATKAN SUKONGAN POPULAR DARI SATU MAJLIS YANG TREND PEMIKIRAN DAN MINATNYA SUDAH DIKETAHUI AWAL-AWAL LAGI. --BERNAMA 1840/BY